

**Najib: BN Bersedia Hadapi Pertarungan Pelbagai Dimensi
Bernama
15 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Najib Tun Razak berkata BN sudah bersedia untuk menghadapi pertarungan pelbagai dimensi dalam pilihan raya umum ke-13 ini.

Perdana menteri menarik perhatian bahawa pilihan raya kali ini akan berlangsung dalam suasana bukan konvensional, berasaskan kemajuan teknologi dan penggunaan media baharu seperti Twitter.

"Ruang siber akan menjadi lebih penting berbanding dahulu dan BN sudah bersedia untuk itu," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan surat watakah pencalonan kepada presiden parti-parti komponen dan pengerusi BN negeri-negeri di sini Isnin.

Mengakui cabaran yang akan dihadapi, Najib bagaimanapun menyatakan keyakinannya bahawa BN akan berupaya menyampaikan 'cerita' BN dengan baik kepada rakyat, bermula dengan Aku Janji BN untuk pilihan raya ini.

"Seperti yang sedia maklum, manifesto kami telah diterima dengan begitu baik dan positif oleh kalangan rakyat," katanya.

Cabaran BN selepas ini ialah untuk berkomunikasi mengenai barisan calonnya, kata Najib, yang turut yakin mereka yang dipilih akan diterima baik oleh pengundi.

"Ia akan menunjukkan hasrat kami bagi melakukan transformasi, dengan menggabungkan pengalaman dan kebijaksanaan untuk mentadbir kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942163>